

20/03/1997

Kelantan tangguh sementara projek

KOTA BHARU, Rabu - Pelaksanaan beberapa projek pembangunan di Kelantan terpaksa ditangguhkan sementara, sehingga urusan pindaan Akta Pengambilan Tanah diselesaikan, Mei ini.

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata penangguhan itu berikutan arahan pembekuan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi projek membabitkan pengambilan tanah.

"Walaupun banyak memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian ditandatangani, kita mesti mengikut arahan dan tidak boleh bergerak selagi pindaan akta itu belum diluluskan.

"Antara projek terbabit termasuk rancangan pembinaan bandar baru Pangkalan Kubur di Tumpat," katanya selepas mesyuarat mingguan Ahli Majlis Kerajaan Negeri (Exco) di Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Beliau berkata, kebanyakan perjanjian dan MoU ditandatangani hujung tahun lalu dan dalam tahun ini.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata pihaknya belum mendapat pengesahan kelulusan projek pembangunan tebing Sungai Kelantan yang dimajukan oleh Kumpulan Syarikat Adorna.

(END)